



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

SUBAHAT MAKSIAT

Tarikh Dibaca :

**22 ZULHIJJAH 1443H/
22 JULAI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهِدَ بِكَلِمَاتِ الْإِسْلَامِ مَلْسِيًّا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SUBAHAT MAKSIAT

22 ZULHIJAH 1443H / 22 JULAI 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١١٠

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersedialah dengan bekalan yang secukupnya bagi diri dan ahli keluarga kita untuk menempuhi kehidupan akhirat yang kekal abadi. Sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah takwa. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: “**Subahat Maksiat**”.

Sebelum itu, saya ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid dan berwaspada dengan ancaman wabak penyakit seperti Covid-19 yang kembali meningkat, influenza dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam memerintahkan supaya kita melaksanakan amar ma'ruf dan nahi mungkar seperti dinyatakan oleh Allah SWT melalui Surah ali Imraan ayat 104 sepertimana yang saya bacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan jadilah sebahagian daripada kamu suatu umat yang mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, dan merekalah orang-orang yang beroleh kejayaan”.

Seiring dengan kepesatan dan kecanggihan teknologi, peningkatan kadar jenayah yang melibatkan kesalahan jenayah Syariah seperti arak, judi, pergaulan bebas, penghinaan terhadap agama, serta aktiviti tidak bermoral dalam kalangan umat Islam merupakan cabaran yang harus ditangani secara bersama.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Apabila kita melihat sesuatu perkara yang bertentangan dengan agama dan undang-undang, maka ia perlulah ditegah agar dapat memelihara umat Islam daripada terjerumus ke dalam kerosakan dan kebinasaan. Oleh itu, tanggungjawab mencegah kemungkaran merupakan suatu tuntutan, sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abi Said al-Khudri RA:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ،
وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: *“Sesiapa dalam kalangan kamu yang melihat akan kemungkaran maka hendaklah dia mengubah (menghalang) dengan tangannya, sekiranya dia tidak mampu maka ubahlah dengan lidahnya (perkataan), sekiranya dia masih tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya. Dan itulah selemah-lemah iman”.*

Daripada hadis ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu kejahatan itu perlu ditegah dari terus berlaku. Tegahan dengan tangan boleh dimaksudkan sebagai kuasa yang telah diberikan tugas dan tanggungjawab ke atas pemerintah melalui peruntukan undang-undang. Dalam konteks undang-undang kesalahan jenayah Syariah, Pegawai Penguat Kuasa Agama di negeri-negeri berperanan memelihara kesucian agama Islam daripada

dicemari dan sentiasa bersedia serta komited menggalas tanggungjawab sepertimana yang telah diamanahkan dengan penuh kejujuran agar kemungkaran dan kemaksiatan dapat dibendung.

Namun begitu, bagi orang awam yang tidak mempunyai autoriti mencegah sesuatu kemungkaran, maka Rasulullah ﷺ menyuruh untuk mengubah kemungkaran itu dengan lisan iaitu dengan cara memberi nasihat atau teguran yang berhikmah supaya kejahatan itu boleh dihalang serta tidak memberi kesan buruk kepada si pelaku dan juga masyarakat umum. Teguran yang diberikan itu perlulah baik dan berhikmah sepertimana yang telah dituntut dalam Islam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ۝١٢٥

Maksudnya: “Ajaklah kepada jalan Tuhanmu dengan penuh hikmah dan juga dengan nasihat yang baik, dan berbincanglah dengan mereka melalui cara yang terbaik”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Ungkapan “tidak mahu menjaga tepi kain orang” mungkin tidak sesuai untuk hal yang melibatkan kemungkaran dan kemaksiatan. Kaedah mengubah kemungkaran melalui lisan ialah kita tidak bersubahat mahupun berdiam diri dengan menyembunyikan kejahatan yang berlaku di sekeliling kita sehingga mampu mendatangkan kerosakan dan menggugat keharmonian masyarakat. Sifat seperti ini merupakan suatu dosa besar yang ditegah sama sekali oleh agama. Perkara ini telah dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Ali bin Abi Talib RA:

لَعَنَ اللَّهُ مَنْ ذَبَحَ لِغَيْرِ اللَّهِ، وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ سَرَقَ مَنَارَ الْأَرْضِ، وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ لَعَنَ
وَالِدَهُ، وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ آوَى مُحَدَّثًا

Maksudnya: “Allah melaknat sesiapa yang menyembelih untuk selain Allah SWT, Allah melaknat sesiapa yang mencuri (merampas) sempadan tanah (orang lain), Allah melaknat

sesiapa yang melaknat ibu bapanya dan Allah melaknat sesiapa yang melindungi orang yang melakukan kejahatan”.

Daripada hadis ini dapat difahami bahawa perbuatan menutup atau menyembunyikan kejahatan yang boleh memudharatkan kesejahteraan adalah haram hukumnya. Kita berasa amat bimbang, terdapat segelintir individu yang sanggup bersekongkol dalam menyembunyikan kejahatan malah menjadi pelindung kepada pelaku jenayah. Oleh itu atas dasar tanggungjawab, umat Islam hendaklah sama-sama mengubah kemungkaran yang berlaku di hadapan mata kita dengan melaporkan kepada pihak berkuasa.

Jika seseorang itu tidak mampu mengubah dengan tangan atau lisannya maka sewajarnya ada perasaan benci terhadap maksiat dan kejahatan yang berlaku di hadapan matanya. Inilah yang disebut sebagai selemah-lemah iman. Jika kita tidak berasa apa-apa dengan sebarang kemungkaran yang berlaku, kita bimbang termasuk dalam kalangan orang yang tidak memiliki iman seperti yang disebut dalam hadis. Ketika itu, seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah ﷺ:

مَا الْإِيمَانُ؟ قَالَ: إِذَا سَرَّتْكَ حَسَنَتُكَ، وَسَاءَتْكَ سَيِّئَتُكَ فَأَنْتَ مُؤْمِنٌ

“Wahai Rasulullah! Apakah yang dimaksudkan dengan iman? Rasulullah ﷺ menjawab: Sekiranya engkau berasa tenang dengan amal solehmu dan engkau tidak selesa (sensitif) dengan kemungkaran yang kamu lakukan, maka sesungguhnya kamu adalah orang yang beriman”. (Hadis riwayat Imam Ahmad dan al-Nasai’e)

Sehubungan itu, bersempena dengan **Kempen Pencegahan Jenayah Syariah Peringkat Kebangsaan Tahun 2022** dengan kerjasama **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** dan **Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)** bermula pada **18 hingga 22 Julai 2022** ini merupakan inisiatif di bawah **Pelan Strategik Hal Ehwal Islam** bagi mencapai kesejahteraan sosial Keluarga Malaysia menyasarkan beberapa objektif iaitu:

Pertama: Mendekatkan masyarakat dengan sistem perundangan Islam di Malaysia.

Kedua: Meningkatkan pengetahuan dan membudayakan sikap cakna masyarakat terhadap pencegahan perlakuan jenayah Syariah dalam komuniti, dan

Ketiga: Membantu mengurangkan perlakuan jenayah Syariah melalui pendidikan dan pencegahan yang berterusan oleh agensi penguat kuasa agama.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam khutbah Jumaat hari ini juga, khatib ingin menzahirkan apresiasi dan penghargaan kepada **Jabatan Imigresen Malaysia** yang meraikan **100 tahun** penubuhannya pada 21 Julai 2022. Sesungguhnya, kewujudan Jabatan Imegresen bertepatan dengan kehendak Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta melalui kawal selia pintu keluar masuk negara. Bayangkan jika kawalan sempadan negara mudah lolos, sudah tentu memberi ancaman besar kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Semoga Jabatan Imigresen Malaysia dapat melaksanakan segala amanah, tugas dan tanggungjawab dengan penuh integriti dan dedikasi bagi memastikan pintu masuk negara terpelihara dari sebarang bentuk pencerobohan. **Tahniah dan syabas Jabatan Imegresen Malaysia, 100 tahun melakar kejayaan.**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin menyimpulkan beberapa rumusan:

Pertama: Kita hendaklah berkerjasama sebagai pemantau sukarela yang berperanan menjadi mata dan telinga pihak berkuasa agama dengan cara menyalurkan maklumat terhadap sesuatu salah laku yang melibatkan kesalahan jenayah syariah.

Kedua: Menanamkan rasa tanggungjawab, keinsafan dan kesedaran untuk sama-sama menjamin keselamatan dan ketenteraman demi keamanan dan keharmonian hidup.

Ketiga: Setiap individu dan masyarakat hendaklah bekerjasama dengan pihak berkuasa agama dalam membanteras jenayah syariah.

Marilah kita merenungi firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: *“Dan bertolong-tolonglah kamu semua atas kebajikan dan ketakwaan dan janganlah kamu tolong-menolong atas dosa dan permusuhan, dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat azab seksa-Nya”.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بِكَيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.